

11/10/1999

Sukan bermotor tarik pelancong

Wan Hazmir Bakar

SEPANG, Ahad - Perkembangan menggalakkan kegiatan sukan bermotor sejak kebelakangan ini menyumbang kepada peningkatan industri pelancongan sekali gus merangsang pemulihan ekonomi negara.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata dengan kedatangan ramai pelancong dan peminat sukan bermotor ke Malaysia, sektor sokongan lain seperti perhotelan, penyajian makanan dan pengangkutan turut mendapat manfaat.

Selain itu, keupayaan negara menganjurkan pelbagai kegiatan sukan bermotor seperti Perlubaan Grand Prix Motorsikal Dunia dan Perlumbaian Formula 1 Malaysia Petronas membuktikan rakyat negara ini mampu bersaing dengan masyarakat dunia.

"Inspirasi kerajaan untuk menyaksikan Malaysia bertapak kukuh di persada sukan bermotor antarabangsa bukanlah imaginasi kosong, sebaliknya satu realiti yang mendapat pengiktirafan dunia," katanya berucap merasmikan Trek Pacuan Empat Roda di sini, hari ini.

Pada majlis itu beliau turut melepaskan 18 peserta perlumbaian akhir pacuan empat roda Cabaran 4X4 Sepang '99 yang julung kali diadakan sempena Minggu Sukan Bermotor '99 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi Malaysia Airports Sdn Bhd (Malaysia Airports), Tan Sri Basir Ismail. Trek Pacuan Empat Roda yang terletak bersebelahan Litar F1 Sepang itu adalah yang pertama seumpamanya di negara ini.

Trek sepanjang 6.8 kilometer itu direka cipta mengikut cita rasa dan pengalaman peminat sukan lumba pacuan empat roda mengandungi cabaran dan halangan lasak seperti kawasan berbukit, berbatu, berair, selekoh tajam, torowong dan jambatan balak.

Abu Hassan berkata, kerajaan amat menghargai usaha Malaysia Airports memperkembangkan sukan bermotor di negara ini terutamanya penganjuran Perlumbaian F1 yang akan bermula Jumaat depan.

Katanya, Malaysia Airports sememangnya sudah berjaya memainkan peranan dalam pengurusan lapangan terbang, iaitu menjadi pintu masuk utama pelancong ke negara ini.

"Sekarang kita semua sedia maklum akan peranan Malaysia Airports yang semakin berkembang terutamanya pembabitan dalam pengurusan sukan bermotor," katanya.

Sementara itu, Basir berkata, Malaysia Airports berbangga kerana sekali lagi dapat membawa aktiviti sukan pacuan empat roda yang mula diminati kepada rakyat Malaysia.

Katanya, dengan adanya trek itu di sini, peminat sukan berkenaan tidak lagi perlu pergi jauh ke pedalaman untuk mendapatkan cabaran kegiatan lasak itu.

"Malahan, syarikat kenderaan pacuan empat roda juga dapat memanfaatkan litar ini untuk ujian kemampuan kenderaan mereka serta melancarkan model baru kenderaan yang diyakini bakal pembeli," katanya.

Beliau berkata, Malaysia Airports sedang berbincang dengan pihak berkenaan bagi menjadikan pertandingan pacuan empat roda itu sebagai acara tahunan dan menganjurkan perlumbaian lain.

"Kita berharap kegiatan seumpama ini dapat menanam minat dan cinta rakyat Malaysia terhadap sukan lasak ini," katanya.

(END)

